



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Hutang Luar Berkurangan Kepada RM873.8b Suku Ketiga

Berita Harian - Hutang Luar Berkurangan Kepada RM873.8b Suku Ketiga

🕒 Sabtu, Nov 18 2017



Hutang luar berkurangan kepada RM873.8b suku ketiga

Hutang luar Malaysia berkurangan kepada RM873.8 bilion (AS\$204.7 bilion) atau 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir September 2017, berbanding RM877.5 bilion yang dicatatkan pada akhir Jun 2017.

Dalam satu kenyataan semalam, Bank Negara Malaysia (BNM) berkata, hutang luar negara yang lebih rendah itu sebahagian besarnya mencerminkan pembayaran balik pinjaman antara bank yang cukup tempoh, dan kesan penilaian berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih pada suku ketiga.

"Ini lebih daripada mengimbangi kenaikan ini, terutama dalam pemegangan sekuriti dan deposit hutang bukan pemastautin (NR), serta liabiliti hutang lain. Hutang luar Malaysia kekal terurus dari segi profil kematangan, serta tempoh matang dan tersedianya aset

luaran yang besar.

"Lebih satu pertiga daripada jumlah hutang luar negara domiasi dalam ringgit (34 peratus), terutama dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit ringgit di institusi perbankan domestik.

"Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk kepada perubahan penilaian yang berpunca daripada turun naik kadar pertukaran ringgit," katanya.

Amalan pengurusan mudah tunai berhemat

Bank pusat berkata, baki hutang luar negeri berjumlah RM577.0 bilion atau 66 peratus adalah dalam mata wang asing (FC) dan kebanyakannya adalah hutang institusi perbankan dan korporat, yang berjumlah 97.1 peratus daripada jumlah pinjaman FC.

Hutang ini katanya, tertakluk kepada amalan pengurusan

mudah tunai berhemat dan perlu di lindung nilai.

BNM berkata, sebahagian besar daripada obligasi hutang ini terdiri daripada pinjaman luar pesisir, terutama untuk mengembangkan kapasiti produktiviti dan mengur sumber kewangan dalam kumpulan syarikat.

Pada akhir September 2017, BNM berkata, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 36.8 peratus daripada KDNK berbanding 60 peratus daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia.

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam mata wang FC, termasuk kesan penilaian, ia berkata, lebih daripada satu pertiga atau berjumlah RM204.7 bilion adalah peminjaman antara bank dan deposit FC dalam sistem perbankan domestik.

"Ini sebahagian besarnya mencerminkan pengurusan mudah tunai antara kumpulan bank dan

penempatan deposit daripada entiti induk asing yang tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat, yang antaranya ialah had dalaman bagi pendanaan dan ketidakpastian tempoh matang.

"Ini diikuti oleh bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM161.6 bilion pada akhir September 2017, terutama untuk membiayai pemrolehan aset di luar negara oleh bank dan syarikat pemastautin.

Secara khususnya, bank dan syarikat memegang kira-kira tiga suku daripada aset luar Malaysia, berjumlah RM1.3 trilion pada akhir suku ketiga 2017, yang juga boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negara RM664.5 bilion, tanpa membuat tuntutan ke atas rizab antarabangsa.

Setakat 31 Oktober 2017, rizab antarabangsa ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan mencakupi untuk membayai 7.6 bulan import tertangguh.

Bank pusat berkata, liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara berperingkat menyebabkan ketidakseimbangan rizab antarabangsa yang lebih ketara seperti peningkatan pemrolehan aset di luar negara oleh bank dan syarikat pemastautin.

Secara khususnya, bank dan syarikat memegang kira-kira tiga suku daripada aset luar Malaysia, berjumlah RM1.3 trilion pada akhir suku ketiga 2017, yang juga boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negara RM664.5 bilion, tanpa membuat tuntutan ke atas rizab antarabangsa.

Setakat 31 Oktober 2017, rizab antarabangsa ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan mencakupi untuk membayai 7.6 bulan import tertangguh.

BERNAMA



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

